

# Malaysia tuan rumah forum tahun depan

BH

26/6/2007

**F**ORUM Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur ke-17 yang mengumpulkan ketua perniagaan, politik dan kerajaan, akan dihoskan oleh Kuala Lumpur pada Jun tahun depan.

Dalam ucapan penutup forum ke-16 di Singapura, semalam, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata forum terbabit diadakan di ibu kota Malaysia akan berlangsung pada 15 hingga 16 Jun 2008.

“Sebagai mewakili Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Kerajaan Malaysia, biarlah saya menjadi yang pertama mempelawa anda menyertai kami untuk meneruskan dialog penting ini,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan kepada peserta forum.

Kira-kira 300 ketua perniagaan dan politik dari 26 negara berada di Singapura menghadiri forum untuk membincangkan empat tema utama berkaitan Asia, iaitu kepemimpinan Asia, pengurusan risiko, pertumbuhan mampan serta inovasi.

Nor Mohamed berkata, sepanjang majlis dua hari itu banyak perbincangan diadakan berkaitan ancaman dan cabaran yang dihadapi rantau ini.

“Saya rasa ia sesuai ketika kita kini berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh, lebih kukuh berbanding sebelum krisis. Bagaimana-

pun, kita perlu sentiasa melihat perkara yang bakal berlaku yang boleh menjejaskan usaha kita,” katanya.

Asia hari ini, kata Nor Mohamed, adalah benua yang berbeza sepenuhnya – ia adalah rumah kepada golongan kaya dan miskin, rantau yang berjaya meningkatkan tahap pembangunan tinggi, tetapi memiliki jurang pembangunan dalam dan antara negaranya.

“Bagaimanapun, saya yakin kita boleh menangani semua cabaran,” katanya. – Bernama

**“** Saya rasa ia sesuai ketika kita kini berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh, lebih kukuh berbanding sebelum krisis

**Nor Mohamed Yakcop**  
Menteri Kewangan Kedua

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

KAYASAN KEPIMPINAN PERDANA